

LAWATAN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM) KE CEDI

Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi


Telah Dihantar: 06 April 2011 11:15

Kepada:

UUM - All Staff

Sk:

UUM All Students

Lampiran-lampiran:  image001.jpg (217 KB);  image002.jpg (391 KB);  image003.jpg (259 KB);

06 APRIL 2011 / 2 JAMADILAWWAL 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

LAWATAN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM) KE INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN & KOPERASI (CEDI)



Sekitar program lawatan UPNM ke CEDI

Pada 04 April 2011, Institut Pembangunan Keusahawanan & Koperasi (CEDI) telah menerima lawatan daripada pegawai dan pelajar Kelab Wira Usaha Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Delegasi lawatan terdiri daripada seorang pegawai iaitu Encik Azizi Bin Ghazali selaku Penolong Pengarah Unit Keusahawanan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) serta 37 orang pelajar UPNM. Tujuan lawatan ini adalah untuk mempelajari dan melihat aktiviti yang dijalankan oleh pihak CEDI. Dalam masa yang sama, lawatan ini adalah sebagai aktiviti perkongsian ilmu dan motivasi untuk meningkatkan aktiviti keusahawanan dan koperasi UPNM. Delegasi turut dibawa melawat ke lot-lot perniagaan pelajar di Varsity Mall bagi melihat sendiri bentuk-bentuk perniagaan yang sesuai dilaksanakan di UPNM.

Habis

=====

DARIPADA:

INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI (CEDI)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL: 04-9285621/5622/5638/5632

FAX: 049285778/5614

86